

# Uda Holdings sedia lupus BB Plaza

**U**DA Holdings Bhd (Uda Holdings) sedang menimbang untuk melepaskan aset paling berharganya di Kuala Lumpur, Plaza Bukit Bintang (BB Plaza) yang selama ini menyumbang kira-kira 25 peratus kepada pendapatan cabang Uda Mall bagi memberi laluan pembangunan projek My Rapid Transit (MRT).

Ketika ini, Plaza Bukit Bintang menyumbang antara RM20 juta hingga RM25 juta kepada pendapatan berulang Uda Mall yang dicatatkan sebanyak RM100 juta setahun.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, Uda Holdings akan mempertimbangkan dua perkara sekiranya projek berkenaan dilaksanakan kelak iaitu sama ada membangunkan semula bangunan itu atau melepaskannya kepada MRT Corp.

Kata Nur Jazlan, sekiranya ia dibangunkan semu-

la, Uda Holdings terpaksa menampung kos pembangunan yang tinggi dan membabitkan kadar sewaan kepada peniaga kelak terutama di kalangan peniaga Bumiputera.

“Ketika ini, 60 peratus peniaga di Plaza Bukit Bintang adalah peniaga Bumiputera dan jika kita membangunkannya selepas projek MRT dijalankan ia sudah tentu mengakibatkan peningkatan kos pembangunan yang tinggi dan memberi kesan kepada mereka.

“Selain itu, pelepasan Plaza Bukit Bintang kepada MRT Corp juga mengakibatkan Uda Holdings kehilangan ibu pejabatnya di sini dan turut perlu memberi pampasan kepada pekerja serta paling utama adalah kami kehilangan pendapatan terbesar dalam syarikat,” katanya pada majlis Uda Holdings Membangunkan Program Transformasi Teknologi Maklumat (IT) di Kuala Lumpur, semalam.